

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEBELAS
19 NOVEMBER 2007**

PERKARA : 4(A)(3)

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
Y.B. ENCIK WONG MUN HOE**

3. Apakah rancangan untuk pembangunan *Multimedia Super Corridor* (MSC) Pulau Pinang dalam masa 5 tahun yang akan datang.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

3. Berdasarkan *Penang K-ICT Blueprint* dalam konteks *Penang Strategic Development Plan 2* (PSDP2) 2001-2010, kerajaan negeri telah membangunkan *MSC Penang Cyber City* dengan sokongan dan bantuan Kerajaan Persekutuan sebagai pemangkin untuk memperkasa dan mempertingkatkan lagi pembangunan industri elektronik dan elektrik (E&E).

Tujuan *MSC Penang Cyber City* ialah untuk menarik pelaburan baru dalam perisian dan reka bentuk, di samping mengekalkan dan menggerakkan industri yang sedia ada ke arah teknologi tinggi. Oleh itu, prestasi MSC dan prestasi industri E&E

mempunyai kaitan yang rapat yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negeri kita secara berterusan dan mampan.

Sejak *MSC Penang Cyber City* dilancarkan pada Januari 2005 oleh Y.A.B Perdana Menteri, industri ICT di Negeri Pulau Pinang telah berkembang dengan pesat. Pada keseluruhannya, pelaburan ke Negeri Pulau Pinang telah meningkat dari RM2.0 Billion pada 2004 ke RM4.0 Billion pada 2005 dan RM5.3 Billion pada 2006.

Sehingga akhir bulan September 2007, terdapat 136 buah syarikat iaitu 125 milikan tempatan dan 11 asing, telah diberi status MSC. Di antaranya, 74 syarikat atau 54% adalah dalam aktiviti pembangunan perisian (*Software Development*), 40 syarikat atau 29% adalah dalam bisnes reka bentuk perkakasan (*Hardware Design*), 10 syarikat dalam aktiviti perniagaan berasaskan internet, 3 syarikat dalam *shared services and outsourcing* (SSO), 2 syarikat dalam aktiviti multimedia kreatif

dan 7 buah syarikat dalam aktiviti sokongan perkhidmatan (*Support Services*) yang lain.

Menurut kajian *Multimedia Development Corporation* (MdeC), syarikat-syarikat berstatus MSC di Negeri Pulau Pinang sehingga penghujung tahun 2006 telah memberi pekerjaan kepada hampir 2,500 orang yang kebanyakannya terdiri daripada pekerja-pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*) dengan penjualan tahunan (*annual revenue*) berjumlah hampir RM370 juta. Angka ini tidak termasuk syarikat-syarikat yang berpusat di Kuala Lumpur tetapi mempunyai sebahagian operasinya di Pulau Pinang. Ini menunjukkan *trend* ke arah ekonomi berilmu (K-Economy) dengan tumpuan kepada meningkatkan rantai nilai tinggi dalam industri ICT.

Inisiatif pembangunan MSC Negeri Pulau Pinang telah baru-baru ini diberi lonjakan padu (*boost*) oleh Pelan Induk Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada bulan Julai baru-baru ini kerana Pulau

Pinang telah muncul sebagai hab logistik NCER dan Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT). Di samping itu, persidangan "*MSC Malaysia Cyber City @ Penang*" pada bulan Oktober juga telah menjanakan banyak idea dan maklum balas yang positif terhadap pembangunan MSC dan perkembangan ekonomi berilmu dan industri berteknologi tinggi.

Untuk masa depan, *MSC Penang Cyber City* Fasa kedua (PCC-2) akan mulai dilaksanakan di Bertam pada tahun 2008 dan Fasa ketiga (PCC-3) di Batu Kawan akan seterusnya dilaksanakan mulai 2010. Rancangan pembangunan di kawasan-kawasan ini termasuk model-model bisnes dan perancangan infrastruktur sedang ditelitikan.

Perancangan ini melibatkan kerja-kerja infrastruktur di kawasan *MSC Cyber City* seperti menaik taraf kemudahan telekomunikasi dan internet melalui jalur lebar (*broadband*) secara wayar optik fiber (*fiber optic*) dan tanpa wayar (*wireless*); penaiktarafan

jalan dan parit; penyediaan landskap dan kemudahan-kemudahan lain.

Selaras dengan ini juga, pihak JPS sedang menjalankan kajian dan kerja-kerja asas untuk membersihkan dan menaik taraf sistem perparitan dan sungai-sungai dalam kawasan *MSC Penang Cyber City 1* di Bayan Lepas. TNB akan menambah kapasiti beberapa Pencawang Masuk Utama (PMU) di Bayan Lepas dan Bayan Mutiara dan memperkukuhkan sistem bekalan dan pembahagian elektrik.

Dari segi telekomunikasi, Telekom Malaysia (TM) akan terus menaik taraf jalur lebar laju tinggi (*high speed broadband*) di Pulau Pinang dengan meninggikan lagi tahap kelajuan *broadband* dari 10Mbps hingga 1 Gbps. Kerajaan negeri sedang bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Air & Telekomunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (MCMC) untuk melancarkan Projek Perintis "*Penang-Kulim Broadband Rollout*" pada hujung tahun ini. Projek ini

bermatlamat meninggikan lagi kegunaan jalur lebar di kalangan rakyat terutama di kawasan luar bandar, untuk menggalakkan pencapaian e-ekonomi dan e-masyarakat.

Selain daripada menaik taraf infrastruktur, rancangan pembangunan MSC juga meliputi strategi-strategi negeri dalam mengembangkan dan memperkukuhkan aktiviti-aktiviti seperti '*shared services & outsourcing (SSO)*', '*business process outsourcing (BPO)*', '*design and development*' dan peningkatan rantai nilai (*moving up the value chain*).

Dalam program untuk membantu membangunkan usahawan tempatan khasnya Bumiputera dalam bidang ICT, kerajaan negeri melalui PDC dengan kerjasama USM dan MDeC telah menubuhkan kemudahan Inkubator ICT. Program ini terdiri daripada 3 peringkat. Peringkat pertama ialah Inkubator BizLab di USM untuk membantu syarikat-syarikat '*start-ups*' dalam pembangunan '*prototypes and ideas*'. Peringkat kedua dan ketiga, ialah '*TechLab*' dan '*Entreprise Lab*' yang sedang

dirancang dan dikhaskan untuk syarikat-syarikat pada tahap pembangunan produk dan seterusnya pemasaran produk.

Untuk menggalakkan syarikat-syarikat bumiputera mencapai status MSC, kerajaan negeri telah mewujudkan satu kelompok industri ICT Bumiputera di Pulau Pinang iaitu TechBiz Penang. Strategi ini adalah untuk membina jaringan industri ICT Bumiputera yang setakat ini terdapat 29 syarikat ICT sebagai ahli.

Bersama-sama dengan usaha dan komitmen kerajaan, status MSC Cyber City dengan 10 Jaminan Kerajaan (*10 Bill of Guarantees*) akan membantu Pulau Pinang untuk bersaing dengan negara-negara lain dalam menggalakkan pelaburan yang berciri ekonomi ilmu dan teknologi tinggi.